



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

JEJAK 20 FEBRUARI 1956: PENGISYTIHARAN TARikh KEMERDEKAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

MELAKA, 20 Februari – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Arkib Negara Malaysia (ANM) telah menganjurkan program Jejak 20 Februari 1956: Pengisytiharan Tarikh Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu yang disempurnakan oleh YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara di Dataran Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Melaka.

Program ini merupakan sebahagian daripada usaha di bawah flagship Ini Warisan Kita, melalui kluster Semarak Kenegaraan yang bertujuan untuk mengenang kembali dan menghayati peristiwa sejarah kemerdekaan yang bermula selepas termerterai Perjanjian Kemerdekaan Tanah Melayu di London pada 8 Februari 1956 sehingga Pengisytiharan Tarikh Kemerdekaan oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj di Banda Hilir, Melaka pada 20 Februari 1956.

YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad berkata, “meskipun program seumpama ini telah dilaksanakan pada tahun-tahun sebelumnya, namun bagi saya ia perlu diteruskan pada setiap tahun mendatang. Ini kerana menjadi tanggungjawab kita semua untuk mengingatkan masyarakat bahawa nikmat hidup dalam keadaan aman dan selesa kini adalah hasil jerih perih pengorbanan pemimpin terdahulu memperjuangkan kemerdekaan tanah air”.

Pada masa yang sama, program ini juga turut diisi dengan Bicara MADANI Merdeka yang disampaikan oleh YBrs. Prof. Dr. Mohd bin Samsudin, Pengarah Institut Kajian Tuah (IKAT) Universiti Islam Melaka (UNIMEL) dan YBrs. Prof. Madya Dr. Ainuddin bin Iskandar Lee, Ketua Pegawai Eksekutif Institut Tun Perak, Melaka serta YBrs. Encik Chan Chin Ho, Guru Cemerlang (Bimbingan dan Kaunseling) Sekolah Menengah Kebangsaan Malim sebagai moderator. Pertandingan Eksplorasi Jejak Merdeka serta Pertandingan Mewarna juga turut dijalankan sempena Jejak 20 Februari 1956: Pengisytiharan Tarikh Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

Kementerian Perpaduan Negara

15 Februari 2025

KPN.100-9/1/16 (7)